



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SIRI PENDIDIKAN
SIRI 15

COMPANIES (AMENDMENT) ACT 2024

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SOALAN-SOALAN LAZIM

POLISI 1 : PELUASAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT, PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT [CORPORATE VOLUNTARY ARRANGEMENT (CVA) DAN PENGURUSAN KEHAKIMAN (JUDICIAL MANAGEMENT (JM)]

Apakah CVA?

CVA menyediakan satu bentuk persetujuan penstrukturan semula yang pada masa kini tersedia untuk syarikat persendirian sahaja. Proses CVA membolehkan syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk memasuki pelan atau perkiraan dengan pemiutang tanpa perlu mempunyai pelan atau perkiraan yang diluluskan oleh Mahkamah. Selepas pemfailan CVA ke Mahkamah, moratorium selama 28 hari akan bermula dan akan melindungi syarikat daripada sebarang prosiding undang-undang termasuk petyisyen untuk menggulung syarikat. Tempoh moratorium boleh dilanjutkan kepada tempoh maksimum 60 hari. Tempoh moratorium adalah penting bagi membolehkan syarikat dan mempertimbangkan pelan atau perkiraan dengan objektif memulihkan syarikat.

Pada masa ini, ketersediaan CVA sebagai mekanisme penyelamat hanya terhad kepada syarikat persendirian yang tidak mempunyai gadaian ke atas aset atau aku janji syarikat tersebut.



@SSMOFFICIALPAGE